

Anwar yakin soal pindaan dapat diatasi dengan baik

KUALA LUMPUR, Selasa — Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim yakin bahawa masalah mengenai Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan Malaysia akan dapat diatasi dengan cara yang baik.

Ini disebabkan pindaan itu tidak menjejaskan, malah menguatkan kedudukan dan Raja Berperlembagaan, kata beliau ketika ditemui di pejabatnya hari ini.

Encik Anwar yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan perhimpunan agung khas di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya dekat sini, Jumaat ini.

Perhimpunan itu difahamkan untuk mendapat mandat dan persetujuan dari ahli-ahli Pemuda Umno seluruh negara mengenai pindaan itu. "Saya akan menerangkan sejelasa-jelasnya mengenai pindaan itu," jelasnya.

Lebih 1,000 wakil Pemuda seluruh negara, termasuk semua Ketua Pemuda Umno Bahagian akan menghadiri perhimpunan tertutup itu.

Beliau juga memberi taklimat kepada Ketua-ketua Pemuda Umno Bahagian di Parlimen petang ini sebagai persediaan untuk mengadakan perhimpunan khas Jumaat ini.

Sebelum ini, beberapa menteri dan tokoh politik menyatakan bahawa pindaan itu tidak akan menjejaskan kedudukan Yang di-Per-tuan Agong dan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Negara.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam menjelaskan bahawa pindaan Perlembagaan Malaysia akan menguatkan pemerintahan Raja Berperlembagaan dan bukan untuk menubuhkan sebuah negara republik.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Haji Sanusi Junid pula berkata rakyat harus menerima pindaan itu kerana ia sudah dibahas dan diterima oleh wakil-wakil mereka di Parlimen.

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman juga menggesa Majlis Raja-Raja Melayu supaya jangan melewatkan memberi perkenan ke atas Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan yang sudah diluluskan oleh Parlimen.